

# **Penutupan Hari Kemerdekaan SK Sungai Lada**



18hb September 2017 / LABUAN – SK Sungai Lada telah mengadakan Majlis Penutupan Hari Kemerdekaan di Dewan Sri Kedayan. Sambutan Bulan kemerdekaan tahun ini telah dilancarkan pada 21 Ogos yang lalu. Majlis ini dihadiri oleh Pegawai Angkat Perhubungan Sekolah, Tuan Hj Yunus bin Yusoff dan Yang Di Pertua PIBG, Tuan Hj Suhib bin Hj Nasir.

Sepanjang Bulan Kemerdekaan ini dijalankan, pelbagai aktiviti telah berlangsung. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan kemerdekaan adalah Projek Bendera Gergasi, Projek Dinding Patriotik, Projek Sudut Kemerdekaan, Pertandingan Nyanyian Solo Patriotik, Pertandingan Kelas Patriotik, Pertandingan mewarna dan Pertandingan melukis poster merdeka. Manakala, pertandingan basikal patriotik dan pakaian patriotik

dijalankan pada majlis penutupan kemerdekaan tersebut.



Guru Besar Sk Sungai Lada, Puan Anita Shyamini A/P S. Azman berkata, elemen kasih sayang perlu diterapkan dalam diri murid dalam menghayati erti kemerdekaan yang sebenar agar murid saling menyayangi dan bertoleransi antara satu sama lain.